



**DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI SHAH ALAM
DALAM NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA
[RAYUAN JENAYAH NO.: 42JSKLB-10-10/2019]**

ANTARA

PENDAKWARAYA

... PERAYU

DAN

IDRIS BIN MOHAMED

... RESPONDEN

ALASAN PENGHAKIMAN

LATAR BELAKANG KES

Rayuan yang dikemukakan oleh Perayu ini diteliti dengan sepenuhnya. Melalui Petisyen Rayuan yang terdapat dimukasurat 1-5 Rekod Rayuan Tambahan, sebanyak 10 perkara telah dibutirkan sebagai asas untuk penerusan Rayuan ini. (Perenggan 1-10). Tertuduh dituduh dibawah pertuduhan-pertuduhan pindaan dan tambahan dibawah seksyen 14(a) dibaca bersama seksyen 16 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak dan Seksyen 14(b) dibaca bersama seksyen 16 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak, 2017.

Melalui Nota Keterangan seperti yang terdapat di dalam Rekod Rayuan, kes in disebut kali pertama pada 20.5.2018. Tarikh seterusnya diberikan untuk proses selanjutnya. Pada 19.9.2019 diakhir kes Pembelaan, Mahkamah telah memutuskan Tertuduh dilepaskan dan dibebaskan daripada ketiga-tiga pertuduhan. Disepanjang Perbicaraan,

Pihak Pendakwaan telah mengemukakan seramai 8 orang saksi. Diperingkat Pembelaan pula, Tertuduh telah memberikan keterangannya secara bersumpah dari kandang saksi. Selain dari Tertuduh, terdapat 2 orang saksi lain turut ditampikan, iaitu SD2, isterinya dan SD3, anak perempuannya.

Diakhir kes pembelaan, Tuan HMS memutuskan Tertuduh telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah dan didapati tidak bersalah di atas kesemua pertuduhan dan mengarahkan Tertuduh dilepaskan dan dibebaskan.

Di atas keputusan tersebut, pihak Pendakwaan mengemukakan Rayuan.

HUJAHAN PERAYU

Terdapat Keterangan Yang Mencukupi Untuk Mensabitkan Responden

Pihak Perayu berhujah bahawa terdapat keterangan yang mencukupi untuk mensabitkan Tertuduh di akhir kes pembelaan dengan kesalahan-kesalahan seperti yang dipertuduhkan memandangkan keterangan SP5 sendiri telah diterima oleh HMS sebagai suatu yang “*unusually convincing*”.

Percanggahan keterangan di antara saksi Pendakwaan terutamanya mangsa (SP5) dengan keterangan Tertuduh dan SD2, bukanlah suatu yang luar biasa lebih-lebih lagi mereka adalah saksi yang berkepentingan di dalam hal keadaan kes ini.

Kes pembelaan hendaklah dikemukakan seawal-awalnya diperingkat pendakwaan lagi dan bukanlah mengemukakan suatu fakta baru bagi menyedapkan cerita pihak pembelaan semata-mata.

Keterangan SD2 yang menyatakan sentiasa berada di ruang tamu kerana sibuk melakukan kerja-kerja hariannya dan tidak tidur pada siang hari adalah bertentangan dengan keterangan bahawa Tertuduh ada memandikan mangsa yang dikatakan ada mengidap penyakit kulit iaitu eczema. Tertuduh di dalam pembelaannya menyatakan ada menyapu ubat sapu ke badan SP5. Ini menunjukkan Tertuduh memang ada menyentuh mangsa tetapi bukanlah bagi maksud perlakuan seksual.

Jika keterangan SD2 benar bahawa perbuatan Tertuduh sentiasa di dalam pemerhatiannya, wajarkah SD2 membiarkan SP5 yang ada sakit kulit dimandikan oleh Tertuduh. Kenapa pula SD2 yang merupakan nenek kepada mangsa tidak menyapukan ubat tersebut tetapi membiarkan Tertuduh melakukannya.

Jelas bahawa keterangan SD2 adalah bertujuan untuk melindungi perbuatan Tertuduh ataupun SD2 sebenarnya tidak melihat apa yang telah dilakukan oleh Tertuduh kepada mangsa ketika mangsa dimandikan ataupun disapukan ubat sebagaimana keterangan mereka.

Keterangan Tertuduh dan SD2 tentang fakta di atas adalah suatu pemikiran terkemudian dan bersifat penafian kosong semata-mata kerana fakta ini tidak pernah dikemukakan oleh pihak pembelaan sebelum ini.

Tiada Keraguan Munasabah Terhadap Kes Pendakwaan

HMS telah terkhilaf apabila mendapati terdapatnya keraguan di dalam kes pendakwaan apabila terdapatnya kegagalan pihak pendakwaan untuk memanggil Aimi walhal, pertuduhan-pertuduhan terhadap Tertuduh adalah melibatkan kejadian di sofa ruang tamu rumah tersebut iaitu semasa ketiadaan sesiapa kecuali SD2 di dalam bilik atau di dapur

Apa yang diceritakan oleh SP2 dan SP5 berkenaan pengetahuan Aimi adalah cerita yang berlaku di dalam bilik sebelum itu. SP5 sendiri dalam keterangannya menyatakan kejadian ini berlaku ‘banyak kali’.

Kegagalan SP8 mengambil rakaman percakapan isteri Tertuduh (SD2) yang kemudiannya dikemukakan oleh pihak pembelaan sebagai saksi mereka tidak mencatatkan kes Pendakwaan, memandangkan kes *prima facie* telah berjaya dibuktikan.

Pihak pembelaan tidak pernah menimbulkan pembelaan berkenaan keberadaan SD2 ataupun Tertuduh lebih-lebih lagi jika pembelaan ingin mengguna pakai Pembelaan *alibi*.

Suatu notis yang teratur hendaklah dikemukakan bagi memastikan notis mencukupi kepada pihak Pendakwaan untuk menyiasat kebenaran notis alibi berkenaan. Jika tidak, pembelaan tidak boleh diambilkira oleh Mahkamah kerana ia adalah suatu ‘*afterthought*’.

Keterangan Saksi-Saksi Pembelaan Yang Bercanggah

Pihak Perayu menghujahkan bahawa HMS telah terkhilaf apabila menerima keterangan Tertuduh, SD2 dan SD3 sebagai benar sedangkan keterangan kesemua mereka adalah bercanggah di antara satu sama lain.

Keterangan Tertuduh dan SD3 sebagai contohnya adalah tidak konsisten bilamana:

- i. SD2 menyatakan memang Tertuduh ada memandikan SP5 tetapi tidak pernah menyentuh SP5 secara seksual;

- ii. SD2 menyatakan Tertuduh tiada di rumah dalam tempoh waktu Zuhur (anggaran jam 1:30 petang) hingga sebelum waktu Maghrib (anggaran 7:00 petang) kerana berada di Masjid
- iii. SD3 pula telah mengesahkan bahawa Tertuduh memang ada di rumah apabila SD3 datang pada waktu petang selepas waktu beliau bekerja iaitu jam lebih kurang 5:15 petang.

Perayu menghujahkan bahawa keterangan saksi-saksi pembelaan adalah tidak konsisten, bersifat tidak kororatif, saling bercanggah dan jelas menunjukkan mereka adalah saksi berkepentingan yang ditampilkan untuk menimbulkan keraguan terhadap kes Pendakwaan.

Kegagalan Mengemukakan Telefon Bimbit Sebagai Barang Kes

Pihak Perayu menghujahkan bahawa HMS telah terkhilaf apabila memutuskan kegagalan SP8 menjalankan siasatan tentang telefon bimbit menyebabkan wujud keraguan bahawa Tertuduh ada menayangkan atau menunjukkan video lucu kepada SP5.

Kegagalan mengemukakan telefon bimbit milik Tertuduh tidak menjadikan kes ini fatal memandangkan ia bukanlah barang kes yang material melainkan wujud perlakuan jenayah sebagaimana pertuduhan yang dirakamkan dari telefon tersebut.

Kegagalan Mengambil Keterangan SD2

Pihak Perayu juga menghujahkan bahawa SD2 adalah saksi yang berkepentingan dimana keterangannya perlu diteliti secara berhati-hati oleh Mahkamah. Agak mustahil untuk mempercayai bahawa SD2 akan sentiasa berada di ruang tamu dan tidak tidur sepanjang tempoh kejadian kerana keterangan SP5 sebelum ini tidak pernah dicabar oleh pihak Pembelaan.

Begitu juga dengan keterangan mengenai keberadaan Tertuduh pada setiap waktu Zohor dan Asar. Ia tidak pernah dikemukakan sebagai pembelaan oleh Tertuduh sebelum ini. Dihujahkan bahawa keterangan ini merupakan suatu '*afterthought*'.

Keperluan Mengemukakan Saksi Mata

Pihak Perayu menghujahkan bahawa dalam kes-kes yang melibatkan jenayah seksual terhadap kanak-kanak, keterangan mangsa tersebut adalah sangat material. Keterangan SP5 adalah sangat konsisten dan tidak pernah berubah.

Agak mustahil untuk pihak-pihak mengemukakan saksi mata dalam kes-kes sebegini kerana jenayah seksual seperti apa yang berlaku ke atas SP5 hanya akan terbongkar apabila kanak-kanak/mangsa ada keberanian yang luar biasa untuk memberitahu kepada seorang dewasa yang lain.

SP5 adalah seorang kanak-kanak yang hanya berumur 9 tahun 8 bulan ketika kejadian, namun telah dengan yakin menyatakan kejadian ini berlaku banyak kali. Jikapun pertuduhan tidak menyatakan tempat kejadian secara spesifik kecuali alamat rumah, fakta perlakuan jenayah tersebut telah diceritakan tanpa ragu-ragu oleh SP5. Dihujahkan bahawa alasan tiada saksi mata yang melihat, adalah suatu yang '*unjustified*'.

Dihujahkan lanjut bahawa HMS telah terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila gagal mengambilkira hujahan pendakwaan bahawa pembelaan-pembelaan Tertuduh adalah suatu penafian semata-mata dan berbentuk '*afterthought defence*'.

HUJAHAN RESPONDEN

Keraguan Munasabah Terhadap Kes Pendakwaan

Mahkamah Sesyen telah mengutarakan berkenaan kegagalan memanggil Aimi. Ini telah menimbulkan keraguan munasabah di dalam kes pendakwaan kerana keterangan tersebut bercanggah dengan keterangan Tertuduh dan SD2 yang menyatakan bahawa Aimi bersekolah pada sesi tengahari.

Dapatan HMS bahawa pegawai penyiasat langsung tidak mengambil keterangan SD2, sedangkan SD2 pada setiap masa berada di rumah tempat kejadian juga telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap Tertuduh di atas fakta-fakta yang berikut:

- (a) SP5 menyatakan bahawa Aimi yang nampak kejadian tersebut. Penama menyatakan bahawa Aimi dan Razak berada di rumah kerana mereka tidak bersekolah kerana tidak sihat;
- (b) SD3 mengesahkan bahawa Aimi tidak pernah nampak Tertuduh dan mangsa memasuki bilik Ucu dan Keterangan ini juga adalah tidak dicabar oleh Perayu;
- (c) SP3 memberi keterangan bahawa Aimi tidak berada di rumah kerana bersekolah pada sekolah sesi petang manakala, mangsa pula hanya berada di rumah Tertuduh pada sesi petang kerana beliau sekolah sesi pagi; dan
- (d) Tiada keterangan dikemukakan oleh SP3 dan SP8 bahawa Aimi dan Razak tidak sihat dan tidak bersekolah pada waktu dan masa kejadian.

Pendakwaan perlu mengemukakan keterangan sokongan atau ‘corroborative evidence’ bagi menyokong kes mangsa tersebut kerana

mangsa bukan merupakan saksi kompeten sebagai saksi kanak-kanak menurut seksyen 17 AKKSTKK dan Mahkamah tidak boleh mensabitkan Responden menurut S. 18 AKKSTKK tanpa keterangan sokongan. Seksyen 17 AKKSTKK memperuntukkan bahawa:

“Walau apa pun apa-apa yang berlawanan dalam mana-mana undang-undang bertulis yang lain, dalam mana-mana prosiding terhadap mana-mana orang yang berhubungan dengan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini, atau mana-mana kesalahan yang dinyatakan dalam Jadual sekiranya mangsa ialah kanak-kanak, seseorang kanak-kanak dianggap kompeten untuk memberikan keterangan MELAINKAN JIKA MAHKAMAH BERPENDAPAT SELAINNYA.”

Selanjutnya, Seksyen 18 AKKSTKK pula telah memperuntukkan bahawa:

“Walau apa pun apa-apa yang berlawanan dalam mana-mana undang-undang bertulis yang lain, dalam mana-mana prosiding terhadap mana-mana orang yang berhubungan dengan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini, atau mana-mana kesalahan yang dinyatakan dalam Jadual sekiranya mangsa ialah kanak-kanak, mahkamah boleh mensabitkan orang itu bagi kesalahan itu berasaskan keterangan tanpa sokongan seseorang kanak-kanak, yang diberikan dengan sumpah atau selainnya.”

Rujukan dibuat kepada kes *PP Lwn. Muhamad Jamadi Nordin* [2018] 1 LNS 1222 di mana Mahkamah Tinggi memutuskan bahawa;

“[21] Dalam kes-kes di mana kanak-kanak memberi keterangan atas sumpah, keterangan kanak-kanak juga perlu disokong sebagai ‘prudence and practise’, Sidek bin Ludan v. PP [1995] 1 LNS 219; [1995] 3 MLJ 178, Loo Chuan Huat v. PP [1971] 1 LNS 68; [1971] 2 MLJ 167. Dalam kes Sidek bin Ludan [supra]

keterangan mangsa disokong oleh laporan perubahan daripada doktor dan keterangan daripada ibunya.

[22] Adalah menjadi amalan yang telah diterima dalam kes jenayah seksual bahawa mahkamah akan melihat kepada keterangan sokongan sebelum mensabitkan Tertuduh. Tetapi ianya tidak bermakna sesuatu sabitan yang dibuat tanpa keterangan sokongan adalah salah jika keterangan mangsa adalah “unusually convincing “ dengan syarat mahkamah bicara telah memberikan amaran kepada dirinya adalah selamat untuk menyabitkan Tertuduh walaupun tanpa sokongan, Abdul Aziz Din v. PP [1997] 1 CLJ SUPP 523; [1997] 1 BLJ 523; [1996] 5 MLJ 473, Dato’ Seri Anwar Ibrahim v. PP & Anor [2015] 2 CLJ 145, [2015] 2 MLJ 293. Dalam kes Dato’ Seri Anwar Ibrahim [supra] Mahkamah Persekutuan memutuskan:

“The law on corroboration of the evidence of a victim in a sexual offence is settled in our jurisdiction... AS A MATTER OF PRACTICE AND PRUDENCE, NOT OF LAW, CORROBORATION IS NORMALLY REQUIRED IN A SEXUAL OFFENCE. Where corroboration is dispensed with, and the complainant’s evidence is accepted as having established the case against an accused, the judge as a matter of law is required to warn himself of the danger of convicting on the uncorroborated evidence of the complainant”.

[23] Dalam kes PP v. Mohamad Malek Ridhzuan Che Hassan [2013] 8 CLJ 359 Mahkamah Rayuan telah memutuskan jika keterangan mangsa dalam kes jenayah seksual adalah ‘unusually convincing’, Tertuduh boleh disabitkan walaupun tanpa keterangan sokongan. Dalam kes tersebut mangsa juga seorang kanak-kanak. Beliau berumur 12 tahun 9 bulan ketika

kejadian rogol berlaku. Mahkamah telah memutuskan di m.s 378 seperti berikut:

“[22]... pada pandangan kami, SEKIRANYA KETERANGAN PENGADU ADALAH “UNUSUALLY CONVINCING” SABITAN DALAM KES-KES SEKSUAL BOLEH DIBUAT TANPA KETERANGAN SOKONGAN.”

HMS telah menyatakan bahawa terdapat keraguan munasabah di dalam kes ini yang mana sekali gus memberikan maksud bahawa mangsa bukan merupakan saksi kompeten. Sehubungan dengan itu, keterangan sokongan bagi menyokong keterangan mangsa adalah diperlukan sebelum sabitan boleh dibuat terhadap Tertuduh.

Keterangan mangsa tidak “unusually convincing” kerana memberikan keterangan yang melibatkan fakta-fakta material yang bercangah dengan 2 saksi dewasa lain.

Berkenaan isu demeanor, mangsa di dalam testimoninya terhadap Tertuduh adalah tidak sepadan seperti seorang mangsa berumur 9 tahun yang dicabuli tetapi seperti seorang yang telah diajar terutamanya melihat kepada intonasi jawapan diberikan dan jenis jawapan yang diberikan.

Responden menegaskan kesnya telah diletakkan terhadap mangsa bahawa Tertuduh telah nampak mangsa sendiri dengan telefon lama Tertuduh sambil tangan mangsa dalam “pap” nya sendiri.

Kegagalan untuk menyiasat SD2

Responden menghujahkan berkenaan kegagalan SP8 mengambil keterangan SD2 kerana fakta tersebut menunjukkan keberadaan Tertuduh, kerana SD2 sentiasa berada di rumah.

Responden menghujahkan bahawa adalah penting untuk mengambil rakaman percakapan SD2 ini kerana beliau berada di premis itu sewaktu kesalahan itu dikatakan dilakukan terutamanya, apabila Tertuduh kerap menegaskan bahawa rumah Tertuduh adalah kecil dan mustahil tiada orang nampak kejadian yang dikatakan dilakukan oleh mangsa itu memandangkan pertuduhan dikatakan berlaku di sofa itu dan ditengah laluan halaman rumah itu.

SP8 tidak sepatutnya mengambil apa yang dikatakan oleh mangsa bulat-bulat dan penyiasatan dalam kes ini hanyalah ‘one sided’ berpaksikan mangsa saja dan tidak secara menyeluruh.

SD2 turut menegaskan beliau tidak pernah tidur petang dan selalu berada di halaman rumah. Sekiranya benar Tertuduh dan mangsa telah masuk bilik Ucu (ataupun di sofa halaman rumah), sudah tentu SD2 akan nampak perlakuan itu tersebut.

‘Afterthought Defence’

Responden menghujahkan Pertuduhan No. 1, 2 dan 3 seperti di bawah satu per satu dan menunjukkan tiada isu ‘afterthought’ daripada pihak Tertuduh.

Responden menghujahkan bahawa tiada keterangan sokongan telah dikemukakan oleh Perayu sewaktu perbicaraan ini untuk menyokong apa yang dikatakan berlaku di dalam bilik Ucu (masuk jari dalam kemaluan) dan di sofa (sentuhan kemaluan).

Keterangan SP1 menyokong kes Responden di mana tiada ‘penetration’ berlaku di hymen mangsa. Tiada bukti menunjukkan bahawa jari Tertuduh yang dimasukkan dalam hymen mangsa.

Responden juga telah meletakkan kesnya di mana Tertuduh pernah melihat mangsa sedang memasukkan jari mangsa sendiri di

“pap” nya sambil melihat telefon lama Tertuduh iaitu gambar/video tidak senonoh.

Sewaktu pemeriksaan balas oleh Responden terhadap mangsa, mangsa mengaku sedang bermain telefon lama Tertuduh walaupun sebelum itu mangsa mengatakan Tertuduh sahaja yang tahu dimana telefon itu disimpan.

Telefon lama Tertuduh tersebut tidak pernah dikemukakan di Mahkamah ini sebagai eksibit. SP8 juga tidak pernah mengemukakan sebarang keterangan bagi menunjukkan bahawa beliau telah memeriksa telefon tersebut.

Dalam kes *PP v. Saw Ah Kow* [1993] 2 CLJ 232] Mahkamah menyatakan bahawa:

“It would not be fair to penalize and the Accused should not be penalized for lack of ingenuity in police investigations depriving him of the time - honoured benefit of doubt. The scattered pieces of evidence create lurking doubts in my mind on the thoroughness of the police investigations. Put in another way, the inherent defects taken cumulatively, create grave doubts in my mind. Whatever doubt the Court had must be given to the Accused.” (tekanan kami)

Rujukan juga dibuat kepada keputusan kes *PP lwn. Mohd Sayuti Ali* [2009] 9 CLJ 446 yang memutuskan bahawa-

“[56] Diakui bahawa kekuatan sesuatu kes itu adalah bergantung sepenuhnya kepada hasil siasatan yang dijalankan serta dengan lain-lain bahan bukti. Untuk hasil penyiasatan yang baik, pastinya memerlukan sesuatu corak penyiasatan yang lengkap dijalankan. Di dalam soal ini, peranan seorang pegawai

penyiasat kes amatlah penting, perlulah dilihat akan apakah aspek siasatan yang telah dilakukan - adakah ianya suatu penyiasatan yang “tip top” ataupun ianya cuma merupakan sebagai “pelengkap cara”. Sering dikatakan yang seorang pegawai penyiasat adalah ibarat “tiang seri” bagi sesuatu bangunan, ataupun ibarat tunjang bagi sebatang pokok; kuat tunjang maka kukuhlah pokok tersebut. (Rujuk kes: PP v. Wong Moy [1988] 3 MLJ 280).”

Responden menghujahkan bahawa aktiviti tidak senonoh mangsa ini telah diketahui oleh Tertuduh apabila Tertuduh telah ternampak mangsa memegang telefon di satu tangan dan satu tangan lagi di papnya.

Akibat beliau takut memberitahu SD2 yang garang, mangsa telah membuat aduan palsu terhadap Tertuduh untuk menyelamatkan dirinya daripada dimarahi oleh bapanya kerana melihat gambar/video tidak senonoh.

Memandangkan tiada saksi yang terlibat dalam kes ini, responden menghujahkan bahawa Mahkamah harus memeriksa setiap testimoni dan eksibit-eksibit yang telah dikemukakan sama ada ia menyokong kes Perayu atau memihak kepada kes Responden. Sebarang percanggahan fakta harus memihak kepada Responden seperti yang telah diputuskan dalam kes *PP v. Mohd Radzi Abu Bakar* [2006] 1 CLJ 457.

Responden menghujahkan bahawa kejadian Tertuduh mencium bibir mangsa tidak pernah berlaku kerana tiada keterangan mangsa yang menyatakan secara spesifik bahawa kejadian ini berlaku pada waktu dan tarikh bila.

SD2 juga menegaskan beliau tidak pernah tidur petang dan selalu berada di halaman rumah. Sekiranya benar Tertuduh dan

mangsa telah masuk bilik Ucu (ataupun di sofa halaman rumah), sudah tentu SD2 akan nampak perlakuan itu mengambil tempat. Tetapi memandangkan tidak pernah disiasat oleh SP8, semua perkara yang dikatakan oleh SD2 tidak boleh dicabar oleh Perayu.

Percanggahan keterangan dari segi masa

Keterangan yang diberikan oleh Tertuduh bahawa rutin harian tertuduh, keluar dari rumah pada waktu tengahari sebelum solat Zohor dan hanya pulang selepas waktu solat Asar, adalah disokong dengan keterangan SD2.

HMS mendapati bahawa keterangan tersebut jelas dan menimbulkan keraguan di dalam kes pendakwaan kerana terdapat percanggahan berkenaan masa yang tepat Tertuduh berada di rumah dengan waktu mangsa berada di rumah. Mahkamah juga mengambil ‘judicial notice’ tentang masa solat Zohor iaitu antara jam 1.00 petang ke 1.30 petang.

Responden menghujahkan bahawa Perayu tidak boleh mencabar keterangan SD2 memandangkan SD2 tidak pernah disiasat langsung sepanjang penyiasatan SP8.

Kegagalan Mengemukakan Telefon Bimbit Sebagai Barang Kes

Kewujudan telefon bimbit ini pernah diceritakan oleh mangsa dan telefon bimbit yang sama juga telah diceritakan oleh Tertuduh bahawa Tertuduh Nampak mangsa menonton video tidak senonoh sambil memasukkan tangan dalam seluar.

Kegagalan SP8 menjalankan siasatan tentang telefon bimbit ini dan mengemukakannya di mahkamah ini menyebabkan wujud keraguan bahawa Tertuduh ada menayangkan atau menunjukkan video

lucah kepada mangsa sebelum dan semasa kejadian cabul berlaku sebagaimana diceritakan oleh mangsa.

Terdapat beberapa isu yang timbul berkenaan telefon yang boleh dirumuskan seperti berikut:

- (a) Mangsa menyatakan berkenaan telefon ini dikatakan ditunjukkan oleh Tertuduh kepada mangsa berkenaan video tidak senonoh;

“[6] ... Ada beberapa Ketika tertuduh mengajak SP5 menonton video orang berbogel di dalam telefon bimbit.”⁴⁸

“[7] ... Tertuduh ada menyuruh SP5 menonton video orang bercium melalui aplikasi Youtube.”

- (b) Tertuduh juga menyatakan berkenaan telefon ini dan sepanjang perbicaraan berkenaan mangsa yang melihat video tidak senonoh itu sendiri dan segala Pertuduhan No. 1, 2 dan 3 adalah berdasarkan video tidak senonoh yang ditonton oleh mangsa sendiri.

Sehubungan dengan itu, Responden menghujahkan bahawa HMS telah memutuskan kes ini dengan secara betul dan tepat. Perayu telah gagal membuktikan kes mereka melebihi keraguan munasabah pada akhir kes pembelaan.

KES DI PERINGKAT RAYUAN

Apakah tugas dan tanggungjawab yang perlu dijalankan oleh Mahkamah diperingkat Bicara Rayuan ini telah dijelaskan di dalam banyak otoriti kes. Rayuan itu adalah merupakan penerusan prosiding melalui ‘rehearing’ dan pihak-pihak ‘litigant’ dan Mahkamah adalah

berhak untuk mengetahui akan Alasan Penghakiman oleh Hakim Bicara.

ULASAN DAN DAPATAN

Setelah saya meneliti akan Rayuan ini secara keseluruhannya dari pelbagai aspek, mengambilkira akan fakta kes ini serta perbicaraan yang dilangsungkan dihadapan Hakim Bicara yang membicarakan kes ini iaitu di dalam kes **No.:62JSK-597-06/2018** serta kepada ekshibit-ekshibit yang telah dikemukakan disepanjang perbicaraan kes tersebut, meneliti kepada keterangan 8 orang saksi Pendakwaan serta keterangan dari Tertuduh sendiri dan saksi-saksinya seperti yang tercatat di Nota Keterangan, meneliti kepada Alasan Penghakiman di mukasurat 10-38 Rekod Rayuan, menimbangkan akan rayuan oleh Perayu di hadapan saya terhadap Perintah Perlepasan dan Pembebasan serta penghujahan yang disampaikan oleh Timbalan Pendakwa Raya/Perayu dan juga hujahan Peguambela Responden agar Perintah Perlepasan dan Pembebasan yang diputuskan oleh Hakim Bicara pada tarikh 19.9.2019 diketepikan, adalah dengan ini ditolak. Keputusan yang diputuskan oleh Hakim Bicara bertarikh 19.9.2019 adalah dengan ini dikekalkan. Tertuduh dikekalkan dilepaskan dan dibebaskan dari kesemua Pertuduhan.

Seperti yang lazim diputuskan melalui otoriti kes-kes, proses sesuatu Rayuan itu adalah merupakan proses pendengaran semula. Melalui proses tersebut, selain dari meneliti akan isi kandungan keterangan saksi- saksi yang disampaikan sewaktu kes dibicarakan di hadapan Hakim Bicara (catitan di Nota Keterangan), penting untuk diteliti sama ada terhadap keesahan perjalanan sesuatu prosiding yang telah dilangsungkan. Perlu diteliti sama ialah sama ada terdapat sebarang kekhilafan, kecacatan serta ketidak-adilan di sepanjang proses perbicaraan dilangsungkan, bagi meneliti sama ada

perbicaraan yang telah dilangsungkan itu mengikut prosedur seperti yang diperuntukkan dibawah Kanun Prosedur Jenayah atau adakah terdapatnya sebarang ‘miscarriage of justice’ disepanjang perbicaraan dilangsungkan serta adakah wujud sebarang prejudis. Penelitian serta penentuan terhadap proses perundangan ini adalah ‘vital’ kerana hanya melalui proses perundangan yang tepat dilangsungkan, baharulah hak asasi seseorang bagi memperolehi sesuatu perbicaraan yang benar-benar adil yang dijamin dibawah Perlembagaan, dapat dilaksanakan.

Fakta bagi kes ini tidak perlu diulangi lagi. Ia telah disentuh dan diolah oleh kesemua pihak dengan begitu terperinci sekali, sama ada melalui Penghujahan pihak-pihak mahupun melalui Alasan Penghakiman Hakim Bicara.

Saya berpuashati bahawa segala elemen kesalahan yang terkandung dibawah Seksyen 14(a), 14(b) dan Seksyen 16 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017, yang telah berjaya dibuktikan oleh Pihak Pendakwaan di akhir kes Pendakwaan telah berjaya disangkal atau dipatahkan oleh pihak Tertuduh melalui keterangan pembelaan beliau dan saksi-saksinya. Diantara elemen-elemen yang perlu dibuktikan bagi kesalahan dibawah Pertuduhan-Pertuduhan adalah :

- i) Bahawa Tertuduh telah melakukan amang fizikal terhadap mangsa (SP5).
- ii) Terdapat bukti-bukti sokongan yang dapat menyokong pembuktian kes.

Diperturunkan akan asas yang dijadikan oleh Hakim Bicara di dalam memutuskan wujudnya suatu kes yang ‘*prima facie*’ berjaya dibuktikan oleh pihak Pendakwaan terhadap Tertuduh. (Rujuk kepada Alasan Penghakiman di mukasurat 22-27 Rekod Rayuan):

“ [21] Setelah meneliti keterangan SP5 sebagaimana dalam ekshibit P6 dan juga soalan tambahan dan jawapan semasa soal balas oleh Tertuduh sendiri, keterangan SP5 adalah boleh diterima akal dan kejadian cabul ini mungkin berlaku. Saya mendapati SP5 tidak diajar oleh sesiapa. SP5 telah memberika jawapan dengan yakin walaupun soalan balas berbentuk penafian ditanyakan sendiri oleh Tertuduh yang merupakan datuk kepada SP5. Keterangan SP5 adalah keterangan sebenar tentang apa yang berlaku terhadap mangsa di dalam rumah tersebut pada masa kejadian. Ini kerana kanak-kanak yang berumur 10 tahun tidak mungkin dapat menjelaskan dengan baik apa yang berlaku terhadap dirinya sekiranya perkara tersebut tidak benar berlaku. Walaupun SP5 merupakan seorang kanak-kanak yang baru berusia 10 tahun, namun Mahkamah mendapati mangsa merupakan seorang kanak-kanak yang dapat menceritakan dengan jelas kepada Mahkamah apa yang telah berlaku terhadapnya. SP5 adalah seorang saksi yang boleh dipercayai kerana keterangan SP5 adalah ‘unusually convincing’. Oleh itu keterangan SP5 boleh diterima di Mahkamah ini selaras dengan peruntukkan s. 18 Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.

[22] Pihak Pendakwaan telah menggunakan keterangan SP5 iaitu rakaman perbualan yang diambil dibawah seksyen s. 6 Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak, 2007. Saya dapati, keterangan Inspektor Nor Saza binti Mohamed Daud iaitu SP4, selaku pegawai temubual di Child Interview Centre pada tarikh 17.5.2018 adalah jelas. Kesemua soalan yang diajukan adalah berbentuk soalan terbuka dan tidak ada sebarang unsur pengajaran. Secara keseluruhannya saya juga mendapati bahawa keterangan SP5 tersebut sememangnya dibuat untuk tujuan perbicaraan. Ini adalah kerana SP4 telah mengambil

langkah berhati-hati sebelum keterangan ini diambil termasuk tindakan untuk mendapatkan kepastian bahawa SP5 faham bahawa SP5 perlu bercakap benar dalam memberikan keterangannya.

[23] Selanjutnya saya telah mendengar keterangan pegawai perakam iaitu Inspektor Hartine Queraysiah binti Mohamed Ishak iait SP6. SP6 telah memberikan keterangan bersumpah bahawa rakaman ini telah diambil pada 17.5.2018 dan beliau telah merekodkan keterangan SP5 secara verbatim. Mahkamah juga telah berpeluang mendengar dan melihat sendiri video rakaman CIC tersebut dan meneliti ekshibit P6, saya mendapati transkrip yang dikemukakan di Mahkamah ini adalah sama dan telah direkodkan secara bertulis secara verbatim satu persatu. Oleh itu Ekshibit P6 tersebut, adalah diterima di Mahkamah ini sebagai sebahagian keterangan SP5.

[24] Oleh itu, saya mendapati berdasarkan keterangan SP5, Tertuduh telah menyentuh kemaluan dan memasukkan jari ke dalam kemaluan SP5. Tertuduh juga telah menyuruh SP5 menghisap kemaluan Tertuduh dan ada mencium bibir SP5. Tertuduh telah melakukan perbuatan ini semasa diruang tamu dan di dalam salah sebuah bilik di rumah Tertuduh. SP5 dengan jelas menyatakan bahawa Tertuduh telah menggunakan jari telunjuk untuk memasukkannya ke dalam kemaluan SP5. SP5 juga tahu bentuk kemaluan Tertuduh dengan menggambarkannya sebagai besar, berwarna coklat, panjang sedikit dan sama dengan kemaluan adik SP5 yang bernama Razak. SP5 turut menceritakan bahawa sewaktu di sofa, SP5 duduk di atas lantai dan Tertuduh duduk di atas sofa. SP5 juga bercakap benar dengan menyatakan kejadian ini tidak dilihat oleh neneknya dan tidak juga dilihat oleh adik SP5 bernama Aimi.

[25] Saya juga mendapati sentuhan berbentuk fizikal telah berlaku antara Tertuduh dengan bahagian badan SP5 iaitu di bahagian kemaluan dan mulut. Saya dapati sentuhan ini adalah berniat salah dan sentuhan yang berbentuk sentuhan fizikal sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 14 akta tersebut.

[26] Saya juga telah mendengar keterangan pegawai perubatan iaitu SP1. Laporan percakapannya dan pemeriksaan awal pegawai perubatan adalah di ekshibit P2, menunjukkan 'hymen' pesakit masih 'intact' dan memandangkan 'hymen' pesakit masih 'intact' menunjukkan tiada vaginal penetration.

[27] Saya dapati, memasukkan jari yang dibuat oleh Tertuduh tidak mengakibatkan selaput 'hymen' pecah. Ini adalah konsisten dengan keterangan SP5 bahawa semasa Tertuduh memasukkan jari ke dalam kemaluan SP5, SP5 menyatakan tidak berasa sakit atau berlakunya pendarahan."

Meneliti kepada huraian dan ulasan oleh Hakim Bicara, saya memutuskan yang dapatan Hakim Bicara di dalam memutuskan wujudnya kes '*prima facie*' terhadap Tertuduh adalah sesuatu yang tepat, berpandukan keterangan yang dikemukakan. Kedapatan fakta oleh Hakim Bicara seperti yang diputuskan olehnya, tidak wajar diganggu.

Alasan Penghakiman Hakim Bicara jelas menunjukkan bahawa segala faktor baik dari segi keterangan, fakta serta perundangan, telah diberikan penekanan dan pertimbangan yang sewajarnya.

Mahkamah yang membicarakan kes diperingkat perbicaraan, perlulah menilai dari segi kredibiliti kesaksian dari setiap seorang saksi Pendakwaan mahupun saksi Pembelaan. Beban pembuktian pihak pendakwaan disepanjang perbicaraan adalah untuk

membuktikan kesnya melampaui keraguan yang munasabah. Manakala tugas di pihak Pembelaan hanyalah untuk membangkitkan keraguan yang munasabah. Ini adalah sepertimana prinsip yang telah diputuskan melalui satu kes yang agak lama tetapi prinsipnya tetap utuh, iaitu kes *PP v. Yuveraj* [1969] 2 MLJ 89. Perkara kedudukan yang serupa turut diulas di dalam teks “*Outlines of Criminal Law*” (16th Edition).

“ When therefore the case for the prosecution is closed after sufficient evidence had been adduced to necessitate an answer, the defence need to do more to show that there is a reasonable doubt as to the guilt of the accused.”

Tugas serta tanggungjawab pihak Pembelaan juga turut disentuh di dalam kes *Arulpagasan Sandaraju v. PP* [2007] 1 CLJ 686 dimana diputuskan seperti berikut:

“ It is trite law that to earn an acquittal at the close of the defence, the only duty on the accused under Section 183 is to raise a reasonable doubt as to his guilt or as to the truth of the prosecution taken in its entirety having regard to the defence.”

Juga di dalam kes *Balachandran v. PP* [2005] 1 CLJ 85/98 dinyatakan:

“...Section 182A(1) enunciates that at the conclusion of the trial the court shall consider all the evidence adduced and whether the prosecution has proved its case beyond reasonable doubt...’

Berbalik kepada soal asal, adakah keterangan dari saksi Pembelaan ini khususnya keterangan oleh Tertuduh sendiri telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah sehingga boleh mengenenpikan kesahihan kes pihak Pendakwaan yang telah diputuskan ‘*prima facie*’ itu.

Apakah asas yang dijadikan oleh Hakim Bicara untuk melepas serta membebaskan Tertuduh di peringkat akhir kes pembelaan, elok diteliti semula kepada Alasan Penghakimannya. Dimukasurat 34 Rekod Rayuan, Hakim Bicara menyatakan seperti berikut:

“ [42] Dalam meneliti keterangan Tertuduh dan saksi SD2 dan SD3 Mahkamah harus mengambil maklum bahawa berdasarkan tarikh yang dinyatakan dalam pertuduhan-pertuduhan. Adalah jelas dalam pertuduhan dikenakan menunjukkan bahawa kesemua kejadian ini dikatakan berlaku antara tarikh 23.4.2018 hingga 27.4.2018. Oleh itu kes pendakwaan adalah terhadap kepada lima hari sebagaimana pertuduhan iaitu Tertuduh dituduh melakukan perbuatan seperti menyentuh kemaluan serta memasukkan jari ke dalam kemaluan SP5, menyuruh SP5 menghisap kemaluan Tertuduh dan mencium bibir SP5.

[43] Saya dapati keterangan yang diberikan oleh Tertuduh bahawa rutin harian Tertuduh, keluar dari rumah pada waktu tengahari sebelum solat Zohor dan hanya pulang selepas waktu solat Asar, adalah disokong dengan keterangan SD2. SD2 dalam keterangannya menyatakan bahawa Tertuduh pergi ke masjid sebelum waktu Zohor dengan menaiki motorsikal dan akan duduk di masjid bersama-sama kawan sehingga waktu Asar. Tertuduh hanya akan pulang ke rumah sebelum waktu Magrib dan akan keluar semula ke masjid bersama-sama. Saya dapati keterangan in adalah jelas dan menimbulkan keraguan dalam kes pendakwaan. Ini adalah kerana terdapat percanggahan berkenaan masa yang tepat Tertuduh berada dirumah dengan waktu SP5 berada dirumah. Mahkamah juga mengambil ‘judicial notice’ tentang masa solat Zohor iaitu antara jam 1.00 petang ke 1.30 petang. Memandangkan tiada masa spesifik tentang masa kejadian ini berlaku, maka keterangan mengenai masa oleh pihak pembelaan ini wajar diterima oleh Mahkamah.

[44] Saya juga mendapati keterangan SD2 bahawa pada setiap masa material SD2 sentiasa berada di dalam rumah. Sekiranya terdapat sebarang kelakuan tidak sopan sudah pasti akan dapat dilihat oleh SD2. Saya dapati terdapat kemungkinan bahawa kejadian sebagaimana pertuduhan sekiranya dilakukan oleh Tertuduh ke atas SP5 akan dapat dilihat oleh SD2. Tambahan pula SP2 mengesahkan bahawa Tertuduh dan SP5 tidak pernah masuk bilik Ucu seperti dipertuduhkan.”

Diperingkat akhir Alasan Penghakimannya, Hakim Bicara merumuskan :

“ [45] Oleh itu, setelah saya meneliti semula keterangan SP5 berkenaan keseluruhan kejadian ini dan apabila diuji dan dibandingkan dengan keterangan Tertuduh dan juga SD2, saya dapati terdapat beberapa kemungkinan yang menimbulkan keraguan munasabah dalam kes pendakwaan. SP5 menyatakan Aimi telah nampak Tertuduh masuk ke dalam bilik bersama SP5. Namun saya dapati keterangan ini bercanggah dengan keterangan Tertuduh. SD2 menyatakan bahawa Aimi bersekolah pada sesi tengahari. Oleh itu, Aimi dan SP5 tidak akan berada dirumah Tertuduh pada waktu yang sama. Tambahan pula Aimi tidak dipanggil untuk memberikan keterangannya. Selanjutnya keterangan SD2 yang menafikan kejadian ini dan tentang keberadaan Tertuduh semasa kejadian adalah penting, namun Pegawai Penyiasat langsung tidak mengambil keterangan SD2, sedangkan SD2 pada setiap masa berada dirumah tempat kejadian.”

“ [47] Saya juga mendapati keterangan SD2 bahawa SP5 kerap bermain telefon bimbit semasa dirumah Tertuduh. Kewujudan telefon bimbit ini juga pernah diceritakan oleh SP5. Malahan telefon bimbit yang sama juga telah diceritakan oleh Tertuduh

bahawa Tertuduh nampak SP5 menonton video tidak senonoh sambil memasukkan tangan dalam seluar. Persoalannya memandangkan telefon disebut sebut berada dengan SP5 semasa kejadian ini, bukankah lebih mudah sekiranya telefon bimbit ini dikemukakan di Mahkamah ini. SP8 langsung tidak menyiasat telefon ini. Tambahan pula Tertuduh turut juga menyebut tentangnya semasa memberikan keterangan kepada SP8. Oleh itu, saya dapati kegagalan SP8 menjalankan siasatan tentang telefon bimbit ini dan mengemukakannya di Mahkamah ini menyebabkan wujud keraguan bahawa Tertuduh ada menayangkan atau menunjukkan video lucah kepada SP5 sebelum dan semasa kejadian cabul berlaku sebagaimana diceritakan oleh SP5.”

Di dalam menimbangkan pembelaan Tertuduh, Mahkamah perlu berhati-hati di dalam menilai keseluruhan keterangan dan membuat pertimbangan di antara keterangan saksi-saksi pendakwaan dan keterangan dari pembelaan. Hakim Bicara bersetuju dengan hujahan pihak pembelaan bahawa kes ini lebih merupakan tuduhan tanpa saksi mata melainkan keterangan dari SP5. Akhirnya diputuskan, setelah memeriksa keterangan setiap saksi dan ekshibit yang dikemukakan, didapati terdapat percanggahan dan kelompangan di dalam kes pendakwaan.

Hakim Bicara adalah berada di dalam kedudukan yang terbaik untuk menilai keterangan saksi. Beliau berada di dalam kedudukan yang terbaik untuk menilai serta menimbang kekukuhan keterangan yang telah disampaikan oleh saksi. Beliau bukan sahaja sebagai Hakim yang menilai dari segi Undang-undang, malah juga mencakupi soal fakta dan juga keterangan secara keseluruhannya.

Meneliti serta menilai akan kesemua keterangan saksi secara keseluruhannya didapati keterangan yang ditampilkan oleh saksi

Pendakwaan adalah penuh dengan kelompangan. Keterangan sedemikian tidak mencukupi dan selamat untuk mensabitkan Tertuduh terhadap kesalahan. Keterangan yang dikemukakan mengenai kejadian adalah tidak begitu kukuh, tidak konsisten dan tergugat. Keterangan pembelaan secara keseluruhannya juga telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pihak Pendakwaan.

Walaupun SD2 adalah saksi yang berkepentingan dalam kes ini, keterangan SD2 tidak boleh ditolak hanya di atas alasan tersebut. Di dalam kes *Liow Siow Long v. Public Prosecutor* [1970] 1 MLJ 40; diputuskan :

“ Testimony of close relations is not tainted if it is otherwise reliable in the sense that the witnesses and competent witnesses who were at the scene of the occurrence and could have seen what had happened. But if it proved that they are not entirely disinterested witnesses, eg, they are either partisans of the complaint or are in any way inimical to the accused, then their testimony is tainted and requires corroboration if to be acted upon.”

Meneliti kedudukan Rayuan ini secara keseluruhannya, dengan ini diputuskan Rayuan oleh Perayu wajar ditolak berdasarkan alasan berikut :

- a) Terdapat percanggahan di dalam keterangan mangsa dimana mangsa menyatakan bahawa Aimi melihat kejadian tersebut tetapi menurut keterangan SD2 pada awalnya, peristiwa tersebut merupakan cerita daripada mangsa sahaja.
- b) Aimi tidak dipanggil untuk membuktikan bahawa Aimi melihat kejadian tersebut sedangkan fakta jelas menunjukkan bahawa mangsa dan Aimi bersekolah di sesi

persekolahan yang berbeza dan tidak mungkin akan berada di rumah tersebut pada waktu yang sama.

- c) Mangsa di dalam keterangan menyatakan bahawa Aimi melihat kejadian tersebut kerana Aimi tidak bersekolah pada ketika itu. Namun menurut SD3, Aimi akan berada di rumah bersama ayahnya sekiranya Aimi tidak ke sekolah.

Tiada keterangan sokongan yang menyatakan Aimi tidak bersekolah pada waktu kejadian.

- d) Keterangan SD2 menyokong keterangan Tertuduh dimana SD2 menyatakan bahawa Tertuduh akan selalunya ke Masjid pada waktu Zohor sehingga Asar dimana ianya bercanggah dengan fakta dimana kejadian berlaku semasa mangsa di rumah datuk dan neneknya sekitar jam 1.00 tengahari hingga 5.00 petang.
- e) SD2 juga tidak pernah melihat perkara yang dikatakan berlaku dan SD2 menafikan fakta yang SD2 sedang tidur ketika kejadian. Keterangan SD2 menyatakan bahawa SD2 tidak tidur disiang hari kerana perlu menyiapkan tempahan menjahit dan SD2 hanya memasak di waktu pagi adalah bercanggah dengan keterangan mangsa yang menyatakan bahawa SD2 tidak nampak kejadian berlaku kerana SD2 sedang tidur atau sedang memasak.

KESIMPULAN

Oleh yang demikian, saya memutuskan dapatan serta penemuan fakta sedemikian oleh Hakim Bicara tidak wajar diganggu. Ia dilakukan setelah Hakim Bicara mendengar sendiri serta menganalisa akan keterangan yang telah disampaikan oleh saksi-saksi dihadapannya. Akhirnya, saya juga mendapati bahawa tiada terdapat

sebarang kekhilafan,kecacatan serta ketidak-adilan dipihak Hakim Bicara semasa mengadili perbicaraan ini di Mahkamah Bicara. Dari catitan di Nota Keterangan, didapati dengan jelas yang perbicaraan telah dijalankan mengikut prosedur seperti yang diperuntukkan dibawah Kanun Prosedur Jenayah khususnya Seksyen 180. Lantas tiada wujud sebarang ‘miscarriage of justice’ disepanjang perbicaraan dijalankan. Tidak terdapat sebarang prejudis disepanjang perbicaraan dilangsungkan. Oleh yang demikian, saya berpuashati bahawa tiada wujud sebarang alasan atau kecacatan disepanjang prosiding perbicaraan tersebut bagi mewajarkan Mahkamah diperingkat Rayuan ini campur tangan terhadap keputusan yang telah diputuskan oleh Hakim Bicara tersebut.

Keputusan yang dicapai oleh Hakim Bicara adalah dengan ini dikekalkan. Rayuan dari pihak Pendakwaan ditolak.

Bertarikh: 12 OGOS 2020

(INDERA ABD HALIM AMAN)

Hakim

Mahkamah Tinggi Malaya Shah Alam

Kaunsel:

Bagi pihak responden - Ameerul Aizat Noor Haslan & Azeel Eskandar Azmi; M/s Fahri & Co

Bagi pihak pendakwaraya - Mohd Asnawi Abu Hanipah menyebut bagi pihak Zuraini Abd Razak; TPR

Perundangan yang dirujuk:

Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017, ss. 14(a), (b), 16, 17, 18, 180